


## BAB 1 : SKALA DAN JARAK

1. Pilih **contoh skala** yang betul

1 : 250 000



1 cm mewakili 500 m

| Jenis skala         | Contoh skala |
|---------------------|--------------|
| (a) Skala lurus     |              |
| (b) Skala penyata   |              |
| (c) Pecahan wakilan |              |



2. Berdasarkan pernyataan di bawah, nyatakan **jenis skala** yang betul.

| Pernyataan                                                              | Jenis skala |
|-------------------------------------------------------------------------|-------------|
| (a) Skala dinyatakan dalam bentuk nisbah                                |             |
| (b) Skala dinyatakan dalam bentuk satu garisan lurus yang dinomborkan   |             |
| (c) Skala dinyatakan dalam bentuk perkataan                             |             |
| (d) Berbentuk pecahan dan dinyatakan dalam meter atau kilometer         |             |
| (e) Skala dinyatakan dalam bentuk ayat untuk memudahkan pembacaan skala |             |
| (f) Skala ini terbahagi kepada dua jenis                                |             |

3. Berdasarkan pernyataan di bawah, nyatakan *jenis jarak* yang betul.

| Pernyataan                                                                                | Jenis jarak |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|
| (a) Jarak ini berdasarkan kos dan masa                                                    |             |
| (b) Jarak ini tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah                                       |             |
| (c) Jarak dari rumah Kamal ke kolam renang ialah 3.4 km                                   |             |
| (d) Tambang teksi dari perpustakaan ke sekolah ialah RM3.00                               |             |
| (e) Jarak ini tetap dan tidak berubah-ubah                                                |             |
| (f) Masa perjalanan dari Johor Bahru ke Seremban ialah 3 jam                              |             |
| (g) Jarak ini dinyatakan dalam unit meter atau kilometer                                  |             |
| (h) Setiap pagi Raden paling awal ke sekolah kerana rumahnya terletak 1.2 km dari sekolah |             |
| (i) Kos untuk menghantar pasukan hoki sekolah ke stadium ialah RM100                      |             |

4. Nyatakan **jarak sebenar** berpandukan skala yang diberikan.

| Pernyataan                                                                                                                   | Skala                                                                               | Jarak sebenar (km) |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| Jarak rumah Kim Neo ke pusat bandar di atas peta ialah 10 cm. Berapakah jarak sebenarnya di permukaan bumi?                  | 1 cm mewakili 2 km                                                                  |                    |
| (a) Jarak dari hospital ke pejabat pos di atas peta ialah 15 cm. Berapakah jarak sebenarnya di permukaan bumi?               | 1 cm mewakili 0.5 km                                                                |                    |
| Jarak dari pusat bandar ke pekan Belimbing di atas peta ialah 15 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi?      |   |                    |
| (b) Jarak dari kedai runcit ke rumah Pak Seman di atas peta ialah 2.5 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi? |  |                    |
| Jarak dari Ladang X ke Kampung Medan di atas peta ialah 7.5 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi?           | 1 : 50 000                                                                          |                    |
| (c) Jarak dari pejabat pos ke rumah Faseha di atas peta ialah 4.5 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi?     | 1 : 200 000                                                                         |                    |